



Nasionalisme dan Kolonialisme di Sabah: Kebangkitan Patriot Puterabumi Menentang Penjajah

Narsyatika Adira Puddin

Pengenalan

Islam, jihad dan patriotisme merupakan antara tema tuas dalam mengupas persoalan kesejarahan, khasnya dalam konteks nasionalisme dan kolonialisme. Di Sabah, dua tokoh mujahidin dan patriot yang menggemakan garizah Islam dan jihad dalam perjuangan anti-SBBUB ialah Panglima Muhammad Salleh (Mat Salleh) dan Syarif Osman. Tidak dilupakan, kesemua patriot berani mati yang berdiri tegak di belakang gerakan ini, bahkan sebahagian daripada mereka bukanlah beragama Islam; namun, mereka bangkit dalam perjaungan berdarah ini kerana mereka menghadapi musuh berbahaya yang sama iaitu SBBUB sebagai ejen ideologi kapitalisme kolonial British. Apakah natijah perjuangan mereka? Sungguhpun mereka tewas dalam serba keterbatasannya, namun perjuangan mereka tetap dihargai kerana mereka gugur sebagai melati bangsa. Darah yang mengalir dalam badan mereka dan darah yang menitis daripada tubuh mereka tidaklah ternilai harganya – kemerdekaan Sabahlah yang layak diangkat sebagai penebus yang selayaknya. Yang menariknya, proses sejarah ini turut memancarkan semula roh Perang Salib.¹

1

Catatan: Sebahagian daripada draf awal bab ini (di peringkat penulisan tesis sarjananya) telah ditulis semula dengan beberapa rombakan, namun demi mengiktiraf Narsyatika sebagai sarjana srikandi, hanya nama Narsyatika diletakkan sebagai penulisnya.

Perang Salib memakan masa yang panjang. Perang ini mula berlaku dalam tahun 1096 Masihi dan berakhir dalam tahun 1291 Masihi. Pada perhitungan kasarnya, Perang Salib memakan masa selama 192 tahun. Ini bererti umat Islam dengan penganut Kristian berada dalam permusuhan hampir dua kurun. Untuk rujukan lanjut, lihat Haron Din, *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1992, hlm. 4. S. Runciman, *A History of the Crusades*, Cambridge: Cambridge University Press, 1951, hlm. 54 dan J. Prawer, *Crusader Institutions*, Oxford: Oxford University Press, 1980, hlm. 115. Untuk sejarah latar belakang ringkas mengenainya, lihat (misalnya) Ahmad Shalaby, *Perang Salib*, Singapura: Pustaka National, 1975. Carole

Panglima Muhammad Salleh

Hakikat pertentangan antara agama (Kristian-Islam) dapat dikesan di Sabah sebelum era politik kepartian lagi. Aspek ini tersirat menerusi kebangkitan gerakan anti-SBBUB. Seajar dengan ekspedisi penjajahan Barat, gerakan Kristianisasi telah berjaya membentuk rangkaian aktiviti dan organisasinya. Senario ini membenarkan kenyataan yang pernah dilontarkan Louis IX. Beliau telah membuka kunci imperialisme Barat selepas Perang Salib dengan mencetuskan serangan dan peperangan dalam bentuk baharu terhadap Islam. Lantaran itu, Louis IX telah menulis wasiat masyhur:

Sesungguhnya tidak ada jalan (cara) yang boleh menguasai orang Islam melainkan dengan menimbulkan keraguan dan merosakkan isi kandungannya [ajaran Islam] yang berteraskan al-Quran (Haron Din, 1992: 7-8).²

Pengakuan ini merupakan rentetan kekalahan mereka dalam Perang Salib terakhir pada 1250.³ Mereka melaksanakan beberapa komplot⁴ yang bermatlamat untuk melemahkan iman dan aqidah

Hillenbrand, *Perang Salib: Sudut Pandangan Islam*, Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2007. Karen Armstrong, *Perang Suci: Dari Perang Salib Hingga Perang Teluk*, Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2004.

² Dipetik daripada Haron Din, *Tasawwur Islam*, hlm. 7-8. Sehingga kini, tidak ada sesiapa pun pernah menafikan kesahihan petikan di atas. Dari segi ini, penulis berpendirian petikan di atas merupakan petikan berwibawa.

³ Perang Salib ini berlangsung selama tujuh peringkat. Seri pertama (1097-1099) sehinggalah seri ketujuh (1248-1250). Lihat nota kaki 35.

⁴ Penyataan di atas dapat dibuktikan menerusi beberapa kajian, seperti Sa'adduddin al-Sayyid Salih, *Strategi Musuh Menentang Islam*, Darul Nu'man, Kuala Lumpur, 1996. Penterjemahnya, Basri Ibrahim. Solah Abdul Fattah al-Khalidi, *Membongkar Tipu-Daya Yahudi Untuk Melemahkan Masyarakat Islam*, Jasmin Enterprise, Kuala Lumpur, 2001. Penterjemah, Unit Terjemahan Jasmin. Ali Abdul Halim Mahmud, *Invasi Pemikiran*, Pustaka Nasional, Singapura, 1989. Penterjemahnya, M.R. Mohsir. Pelbagai rancangan dicanangkan oleh penjajah Barat untuk melemahkan umat Islam. Salah satu daripadanya ialah imperialisme dan kolonialisme. Sasaran mereka ialah negara-negara Islam kerana sebahagian negara ini mempunyai kekayaan sumber ekonomi, khasnya minyak. Melalui imperialisme dan kolonialisme mereka memperkenalkan pendidikan sekular yang bertujuan untuk melemahkan sistem pendidikan Islam yang sedia ada. Menerusi pendidikan, mereka cuba mengkristiankan masyarakat yang dijajah. Bahkan, mereka juga campur tangan dalam politik tempatan. Untuk kupasan lanjut, lihat buku-buku termaklum (seperti dinyatakan di atas).

umat Islam. Akidah ialah roh Islam. Bahkan, dalam usaha melaksanakan gagasan tersebut, Hamdi Zaquq menegaskan:

Terdapat suatu kesefahaman mutlaq di kalangan mubaligh Kristian kurun ke 13, iaitu betapa perlunya menguasai bahasa-bahasa orang Islam. Seandainya mahu dijayakan usaha pengkristianisasi ke atas mereka (Hamdi Zaquq, 1983: 27).⁵

Penegasan Hamdi memaparkan kesungguhan pemuka Kristian untuk menguasai umat Islam. Kesungguhan ini amat jelas dengan kesanggupan mereka untuk mempelajari bahasa-bahasa umat Islam, biarpun usaha ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Namun, tekad untuk membatuniskan agama dan umat Islam telah menyuntik semangat mereka untuk berbuat demikian. Ini diperteguh dengan sumpah setia terhadap agama dan Tuhan mereka:

Kita sedar bahawa dengan usaha ini kita bukan sahaja bertujuan untuk mendekati kesusasteraan yang baik untuk mendedahkan sebahagian besar ilmu pengetahuan yang ada kepada cahaya dan tidak membiarkannya terkutap dalam bahasa yang ingin kita pelajari sahaja akan tetapi kita juga sebenarnya bertujuan untuk mengajukan khidmat bakti kepada pemerintah dan negara melalui perdagangan kita dengan negara-negara Timur, selain untuk mengagungkan Tuhan melalui perluasan batasan gereja dari seruan kepada agama Kristian di kalangan orang-orang yang masih hidup dalam kegelapan (Hamdi Zaquq, 1983: 30).⁶

Alasan yang diberikan ini menggambarkan plot mereka untuk menyebarkan Kristian di seluruh dunia, khasnya di Timur. Pelbagai cara dan pendekatan dilakukan bagi mencapai tujuan tersebut. Antaranya, melalui perdagangan.⁷ Strategi ini dilihat sebagai pendekatan praktikal dalam usaha

⁵ Hamdi Zaquq, *Al Isytiraq Wa Al Khalfiah Al Fikriah Li Al Sirah Al Hadhan?*, London: University of Cambrigde, 1983, hlm. 27.

⁶ *Ibid.*, hlm. 30.

⁷ Pemerian terawal ditulis oleh orang Eropah tentang Borneo (Sabah) ialah gambaran tentang Kesultanan Brunei. Pemerian ini ditulis oleh Anthony Pigafetta. Beliau telah melawat Brunei dalam tahun 1591. Beliau amat tertarik hati dengan kemewahan istana sultan serta menganggarkan bahawa bandar itu mengandungi “25 ribu keluarga”. Manakala gambaran tentang perdagangan di Borneo Utara dari awal abad ke-17, diceritakan oleh saudagar-saudagar dan pengembara-pengembara yang menyatakan dalam tahun 1599, Borneo Utara merupakan satu tempat yang penuh dengan kemewahan dan kekayaan. Sebelum kedatangan British, Sabah telah diperintah oleh beberapa kesultanan, iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Namun, selepas itu British telah mengambil alih Sabah daripada kedua-dua kesultanan tersebut. British

mengkristiankan bangsa-bangsa Timur. Perdagangan dijadikan sebagai proksi Kristianisasi di sebalik motif agama yang dicanangkan setelah berlakunya Perang Salib. Memetik kata-kata Khurshid Ahmad:

Di seluruh Asia dan Afrika, semua usaha telah dilakukan oleh imperialis Barat untuk memusnahkan kebudayaan setempat. Dalam fikiran (pemikiran) generasi baru ditanamkan bibit pemberontakan terhadap peradabannya sendiri dan melalui medium pendidikan, “pembunuhan” tersebut menjadi sempurna (Khurshid Ahmad, 1967: 20)

⁸

mula menjalankan kegiatan perdagangan di Sabah pada tahun 1764, selepas satu perjanjian perdagangan ditandatangani antara seorang pegawai British bernama Alexander Dalrymple dengan Sultan Sulu, Sultan Muizuddin. Menurut perjanjian itu, British dibenarkan untuk mendirikan pusat perdagangan dan menjalankan perniagaan di kawasan takluk Sultan Sulu, iaitu wilayah-wilayah di timur Kimanis. Dalrymple mendapat kebenaran mendirikan pusat perdagangan di Pulau Balambangan. Selepas penempatan British di Pulau Balambangan dibinasakan oleh orang Sulu, di bawah pimpinan Datu Tating pada tahun 1773, British telah melupakan minat mereka di Borneo. Pada tahun 1846, dengan bantuan James Brooke, pihak British berjaya mendapatkan Labuan daripada Sultan Brunei untuk dijadikan Tanah Jajahan Mahkota British. Walaupun begitu, British masih belum dapat mentadbir Sabah sehingga sebuah syarikat perdagangan British, iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) ditubuhkan pada tahun 1881. Walaupun demikian, pentadbiran SBBUB telah mengundang tentangan yang hebat daripada pemimpin tempatan. Penentangan ini berlaku kerana dasar SBBUB mengenai tanah, cukai dan agama. Namun, penentangan penduduk tempatan dapat dipatahkan oleh SBBUB. Ini menyebabkan penduduk Sabah seakan menerima dasar pemerintahan yang dijalankan oleh SBBUB. Hal ini dapat dilihat apabila tidak terdapat pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan yang mampu menggugat kedudukan pihak syarikat. Namun, kemunculan parti politik di Sabah dapat dilihat dengan jelas semasa era gagasan Malaysia. Sebelum itu, sehingga Perang Dunia Kedua, kegiatan berpersatuan di Sabah lebih tertumpu kepada soal kemasyarakatan dan pendidikan. Lihat Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 22. Perjanjian perdagangan Alexander dengan Sultan Sulu, menyatakan Sultan Brunei telah menyerahkan kawasan miliknya di pantai barat Sabah, iaitu Sg. Kimanis dan Benoni kepada Overbeck dan Alfred Dent. Mereka diberi kuasa penuh di wilayah seluas 28,000 batu persegi itu, merangkumi 900 batu garisan pantai Borneo Utara dengan bayaran \$15,000.00 setahun dalam K.G. Tregonning, *A History of Modern Sabah 1881-1963*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press., 1958, hlm. 14. M.H. Baker, *Sabah The First Ten Years As A Colony (1946-1956)*, Singapore: The Development of History University of Singapore, 1965, hlm. 2. Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 251. Donald Black Ian, *Native Administration By The British North Borneo Chartered Company, 1875-1915*, Australia: The Australian National University, 1970, hlm. 1-9. Yong Leng Lee, “Settlements And House Types In North Borneo”, Dissertation M.A., Faculty of Arts, Singapore: University of Malaya, 1958, hlm. 5-17. Wan Zaiton Wan Abdul Kadir, “American Trading Company of Borneo: Permulaan Pertapakan British Di Borneo Utara 1865-1881”, hlm. 1-11. Md. Saffie Abdul Rahim, “Sejarah Kegiatan Ekonomi Orang Jepun Di Borneo Utara Sebelum Perang Dunia Kedua (1890-1941)”, hlm. 22. D.S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1965-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Second Edition, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2003.

⁸ Khurshid Ahmad, *Fanaticism, Intolerance and Islam*, Lohore: Islamic Publication Ltd, 1967, hlm. 20.

Strategi taktikal yang diatur penjajah Barat begitu berkesan. Akibatnya, dasar perdagangan tersebut dimanipulasikan untuk mengacau-bilaukan identiti kebudayaan lokalistik. Persoalan kritikal ini pernah dianalisis secara kritis oleh Syed Hussein Alattas dalam *Mitos Pribumi Malas*.⁹ Pada masa itu, pendidikan dan pelajaran agama Islam dibiarkan terus mundur di Sabah¹⁰ – berkembang secara isolatif dan regresif, tanpa bantuan kewangan daripada SBBUB. Bahkan, pemerintahan SBBUB dianggap sebagai kuasa kolonial yang terburuk dari segi pendidikan di rantau Asia Tenggara. Dalam bidang pendidikan agama Islam misalnya, agen penjajah British ini tidak mempedulikan kepentingan umat Islam di Sabah.¹¹ Dalam situasi sebegini, Datu Mustapha Datu Harun¹² menegaskan:

⁹ Buku ini diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991.

¹⁰ Perkembangan dan kemajuan awal pengajaran agama Islam di Sabah adalah atas inisiatif sendiri. Mula-mula mereka diajar dan dididik dalam lingkungan keluarga sendiri termasuk cara-cara beribadat dan mengenal ayat-ayat Al-Quran. Ini diikuti dengan cara berkelompok, kanak-kanak diserahkan mengaji Quran dan hukum-hukum serta ibadat kepada guru tertentu di tempat atau kampung masing-masing. *Buletin Usia*, Tahun 3/Bil. 1, Jun 2001. Muhiddin Yusin, *Islam Di Sabah*, hlm. 10. “Sabah State Mosque”, dalam *Cenderamata Majlis Negeri Sabah*, sempena pembukaan rasmi Masjid Negeri Sabah oleh Yang Dipertuan Agong pada 28 Januari 1977, hlm. 26 dan Haji Johari Haji Alias, “Perkembangan Agama Islam di Sabah”, dalam *Cenderamata Perasmian Masjid Negeri Sabah*, Kota Kinabalu: Majlis Agama Islam Sabah, 28 Jun 1997, hlm. 32. Mahani Musa & Tan Liok EE, *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000. hlm. 62. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Persepsi dan Imej Bandar: Kemunculan Pembentukan dan Manifestasinya Dalam Sastera Melayu Moden Sabah Dalam Integrasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

¹¹ “Sabah State Mosque”, dalam *Cenderamata Majlis Negeri Sabah*, hlm. 26. Mengenai dasar yang sama, lihat Francis Wong, *Comparative Studies In Southeast Asian Education*, Kuala Lumpur: Heinemann, 1973. F. Harbison & C. Myer, *Education Man Power and Economic Growth*, New York: McGraw Hill, 1964.

¹²

Tun Datu Mustapha Bin Datu Harun dilahirkan pada 1 Ogos 1918 di Kampung Limau-limauan di daerah Kudat. Pada tahun 1928, ketika berusia 10 tahun, Datu Mustapha mula bekerja sebagai pelayan rumah di rumah Residen E.W. Morell. Pada tahun 1932, beliau telah belajar di Sekolah St. James Kudat. Sembilan bulan kemudian, iaitu ketika berada dalam Darjah 1, beliau terpaksa meninggalkan bangku sekolah kerana ibu beliau telah meninggal dunia dan bapanya pula ditukarkan ke tempat lain. Pada masa itu, bapa beliau menyandang satu jawatan rendah dalam Syarikat Berhad (*Chartered Company*). Manakala pada 18 Oktober 1934, iaitu setelah dua tahun beliau meninggalkan bangku sekolah, beliau bekerja sebagai peon di bawah Pegawai Daerah Kudat, E.R. Evans. Atas dorongan Evans, Datu Mustapha berusaha keras untuk memajukan dirinya. Semangat yang ditunjukkan oleh beliau membolehkan beliau dinaikkan pangkat sebagai Kerani Anak Negeri dan Kerani Candu pada 1 Februari 1937. Beliau memegang jawatan ini sehingga Sabah ditakluki oleh tentera Jepun. Malah semasa pemerintahan tentera Jepun di Sabah, beliau turut serta memperjuangkan kebebasan negeri Sabah daripada tentera Jepun. Kemudian pada 24 Disember 1944, beliau ke Filipina untuk menyertai pergerakan gerila sebagai seorang prebet. Pada 1 Januari 1945, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Sarjan dalam tentera tetap dan ditempatkan dalam Perkhidmatan

Kalau ditinjau dari segi sejarah pertubuhan ugama-ugama di dalam negeri Sabah ini maka kita akan dapati bahawa ugama Islamlah yang labeh awal bertapak dan labeh tua daripada lain-lain ugama khas-nya ugama Kristian tetapi sebaliknya kalau ditinjau dari segi perkembangan kemajuan, maka perkembangan kemajuan ugama Islam yang dianuti oleh sa-bahagian besar penduduk dan bumiputera di Sabah ini labeh terbelakang dan labeh mundur dari kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh ugama-ugama lain yang baru muncul. Keadaan ini berlaku ialah disebabkan nasib dan kedudukan ugama Islam di Sabah sejak zaman penjajahan dahulu tidak mendapat perhatian dan pembelaan serta kemudahan-kemudahan yang sepatutnya (Fail Sulit Arkib, Box 1 MUIS-0095).¹³

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan kekecewaan Datu Mustapha terhadap sistem pentadbiran kolonial. Secara tersiratnya, Datu Mustapha menyedari pemerintahan SBBUB merupakan suatu ancaman terhadap umat Islam di Sabah, malah kepentingan umat Islam tidak terbela di bawah pemerintahan SBBUB. Ini merupakan logik ilmiah, bukannya andaian hampas.

Rahsia. Beliau turut bertembur dalam beberapa pertempuran menentang tentera Jepun dan dinaikkan pangkat sebagai *'First Lieutenant'*. Begitu juga pada 3 April tahun yang sama, beliau sekali lagi telah dinaikkan dipangkat sebagai Kapten serta memasuki Pertubuhan Gerila British di Borneo Utara (Sabah) di bawah pimpinan Kolonel R.G.P.N. Combe sehinggalah unit tersebut dibubarkan pada 9 September 1945. Pada tahun 1951, beliau dilantik pula menjadi Ketua Anak Negeri Gred 1 bergelar Orang Kaya-kaya (O.K.K). Pada 1952 pula, beliau terpilih untuk mengikuti satu kursus pertanian anjuran *Rural Industry Development Authority* (RIDA) di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia). Sekembalinya dari kursus tersebut, beliau dilantik oleh Gebenor menjadi Ahli Majlis Kerja dan Perundangan. Peluang ini telah dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh Datu Mustapha. Pada tahun 1959, iaitu lima tahun sebelum Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman mencadangkan tentang konsep sebuah negara (Persekutuan Malaysia), Datu Mustapha telah dihantar ke United Kingdom untuk mempelajari bahasa Inggeris dan politik selama setahun. Apabila Tunku Abdul Rahman mengumumkan gagasan Malaysia, beliau telah menerima cadangan tersebut dan menubuhkan parti politik yang dianggotai oleh majoritinya bumiputera Muslim (USNO), berganding bahu untuk menyokong gagasan tersebut. Dokumen ini diperoleh daripada Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephens, Yayasan Sabah, Kota Kinabalu: Sabah, 2007 (seperti dalam Lampiran E). Lihat juga *Sejarah Sabah Dalam Gambar, 1881-1981*, Sabah: Jawatankuasa Penerbitan Perayaan Sabah 100 Tahun (tanpa dinyatakan nama penulis). *Pengisahan Sabah: Perang Dunia Kedua*, Pengarah Arkib Negeri Sabah & Dewan Bahasa dan Pustaka. Jeffrey G. Kitingan & Maximus J. Ongkili (ed.), *Sabah 25 Years Later 1963-1988*. J.P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, 1985. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 1 (A-E), hlm. 596-597. Untuk gambaran umum mengeninya, sila lihat (misalnya) Sabihah Osman, "Perkembangan Politik Sabah", dalam Hairi Abdullah (et al.), *Sabah: Perubahan dan Pembangunan*, 1986. K.G. Tregonning, *A History of Mordern Sabah (North Borneo 1881-1963)*, 1967. Salleh Saprin Al-Attas, *Dilema Politik Sabah: PBS dan Demokrasi*, 1994.

¹³ Dipetik daripada teks Ucapan Datu Mustapha dalam "Fungsi dan Peranan MUIS oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun", dalam Fail Sulit Arkib (Box 1 MUIS-0095).

Pentafsiran ini bukanlah bersifat melulu dan semborono, namun ini merupakan pentafsiran rasional berdasarkan petikan itu sendiri.

Ekoran daripada sikap permusuhan inilah, justeru sebahagian umat Islam di Sabah ketika itu, bangkit menentang penjajahan SBBUB. Kuasa-kuasa kolonial Kristian-Barat datang bukan sahaja dengan motif ekonomi, bahkan mereka telah membawa ideologi dan nilai Barat, khususnya gaya hidup, agama Kristian dan pendidikan sekular.¹⁴ Sebahagian daripadanya bertentangan dengan tatanilai tempatan dan kesannya turut disedari penduduk di Sabah, lebih-lebih lagi puterabumi Muslim.¹⁵

Perlu dinyatakan, kesedaran mengenai ancaman SBBUB terhadap Islam di Sabah, jelas menepati amanat Mufti Besar Turki. Beliau menegaskan, “menentang British dan sekutunya adalah jihad”.¹⁶ Fenomena ini diperjelas dengan terbitnya artikel bertajuk, “*Mohammedans and The Empire*”.¹⁷ Artikel ini menjelaskan tentang peranan umat Islam di seluruh dunia sekali gus menegaskan umat Islam harus mencabar penjajahan British dengan berteraskan konsep jihad.¹⁸

¹⁴ Mohamad Shauki Mohd Radzi, “Perjuangan Datu Paduka Muhamad Salleh Datu Balu (Paduka Mat Salleh) Penelitian dari Pandangan Alam Islam”, Seminar Memperingati Tokoh II: Pandangan Alam Islam dan Implikasinya Terhadap Patriotisme, Kota Kinabalu, 9 September, Anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Kementerian Belia dan Sukan Sabah, 2006, hlm. 1. John L. Esposito, *Ancaman Islam: Mitos Atau Realitas?*, hlm. 59. Muhiddin Yusin, *Islam Di Sabah*, hlm. 11.

¹⁵ Untuk keterangan lanjut mengenainya, sila rujuk Azmi Arifin, “Imperialisme Eropah Dan Warisan Pemikir Tentang Nasionalisme Melayu”, dalam Abdul Rahman Haji Ismail (et al.), *Nasionalisme Dan Revolusi Di Malaysia Dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2006, hlm. 23. Muhiddin Yusin, *Islam Di Sabah*, hlm. 11.

¹⁶ Syeikh Islam telah mengeluarkan fatwa pada 14 November 1914 bahawa, “Jihadi-Akhbar Fardi Ain (sebesar-besar jihad ialah jihad fardu ain). Sekiranya memerangi negara kuffar seperti Britain dan sekutunya di atas tindakan mereka terhadap negara dan umat Islam”. Nik Anuar Nik Mahmud, *Tok Janggut: Pejuang Atau Penderhaka*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. 25.

¹⁷ Dipetik daripada akhbar *Herald*, 1 April 1915, hlm. 66-68.

¹⁸ *Ibid.*

Kebangkitan anti-SBBUB juga berpunca daripada perasaan jelek mereka terhadap pemerintahan SBBUB yang dianggap sebagai pengacau terhadap kerukunan kehidupan (didasari nilai agama Islam dan adat istiadat tempatan) yang sebatu dalam diri masyarakat Muslim dewasa itu. Akan tetapi, SBBUB memaksa bumiputera Sabah untuk menerimanya. Hakikatnya, ketenteraman dan keharmonian hidup bumiputera Sabah tidak pernah terancam oleh penjajah Barat sebelum kedatangan kuasa penjajah ke negeri tersebut.

Sungguhpun sebahagian daripada Sabah pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu dan sebahagiannya lagi berada di bawah Kesultanan Brunei, namun mereka masih dapat meneruskan kehidupan dalam suasana yang tenteram dan damai. Senario ini jelas kerana nilai-nilai kebudayaan kedua-dua kesultanan tersebut mempunyai persamaan dengan nilai-nilai kebudayaan tempatan di Sabah. Justeru, persamaan ini tidaklah membawa kesan percanggahan mencolok terhadap masyarakat tempatan di Sabah.¹⁹

Justeru, sebagai reaksi kepolitikan antikolonialisme, pemimpin bumiputera Muslim yang tegas dan berani mencabar penguasaan dan pemerintahan SBBUB ialah Panglima Muhammad Salleh (Mat Salleh).²⁰ Mat Salleh berusaha mendapatkan sokongan bumiputera Muslim dan bukan Muslim

¹⁹ Muhiddin Yusin, *Islam Di Sabah*, hlm. 11. *Pengisahan Sabah: Perang Dunia Kedua*, Pengarah Arkib Negeri Sabah & Dewan Bahasa dan Pustaka, Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah, 2005.

²⁰ Datu Muhamad Salleh bin Datu Balu, juga lebih dikenali sebagai Paduka Mat Salleh merupakan pemimpin yang menentang SBBUB di Borneo Utara. Beliau bukanlah orang yang pertama dan terakhir dalam siri perjuangan rakyat Sabah. Namun demikian, sejarah perjuangannya telah meletakkan beliau sebagai tokoh teratas dalam senarai anak watan Sabah. Mohamad Shauki Mohd Radzi, "Perjuangan Datu Paduka Muhamad Salleh Datu Balu (Paduka Mat Salleh) Penelitian dari Pandangan Alam Islam", hlm. 4. "Sabah State Mosque", dalam *Cenderamata Majlis Negari Sabah*, hlm. 26. Jayum A. Jawan, *Malaysian Politics & Government*, Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2004, hlm. 28. Hasmidah Hj. Tamsir, "Pemberontakan Mat Salleh (Suatu Postmortem)", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Malaya, 1989, hlm. 1. *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Pengarah Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah, 2007, hlm. 7. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 3 (M-Q), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 1478. Nicholas Tarling, "Mat Salleh And Krani Usman", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 16, 1985, hlm. 46-68. W.K.C. Wookey, "The Mat Salleh Rebellion", *Sarawak Museum Journal*. Vol. 7, 1956, hlm. 405. Ian Black, *A Gambling Style of Government*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 140. *The British North Borneo Herald*, 16 September 1895, hlm. 235. Anthony Gibon, *Tambunan: The People, Their Culture and Customary Laws*, Penampang: Kadazan Cultural Association, 1986, hlm. 15. Cecilia Leong, *Sabah The First Hundred Years*, Kuala Lumpur: Percetakan Nanyang Sdn. Bhd., 1982, hlm. 117. R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, Kota Kinabalu: Persatuan Kebudayaan Sabah, 1981, hlm. 30. K.E.A. Hiew dan

untuk menentang SBBUB. Keberanian luar biasa Mat Salleh telah mencetuskan kegelisahan dan kegusaran SBBUB.²¹

Perlu diakui, tidak ada bukti tuntas yang menunjukkan Mat Salleh mengangkat Islam sebagai wadah penyatuan politik antikolonialisme. Namun, sebagai seorang Muslim (begitu juga bumiputera Muslim yang menjadi kebangkitan Mat Salleh), mustahil mereka tidak mempunyai kesedaran Islamik. Mustahil mereka tidak sedar mereka sedang menghadapi satu musuh yang sama iaitu SBBUB. Oleh itu, tidaklah mustahil kesedaran Islamik turut berperanan penting untuk menggerakkan bumiputera Muslim dalam perjuangan berdarah menentang ancaman SBBUB. Perlu ditegaskan, pernyataan ini bukanlah andaian.²² Di samping itu, pernyataan ini merupakan eksavasi ilmiah untuk mencungkil kebenaran tersirat di sebalik proses kesejarahan dalam pensejarahan kritisisme. Dalam pensejarahan ilmiah, untuk menggali kebenaran sejarah bukanlah sekadar dengan memerhatikan aspek tersurat semata-mata. Sebaliknya, telaah untuk menggali kebenaran tersirat tetap merupakan sebahagian daripada peranan vitalistik sejarawan. Kaedah ini

Thani Hashim, “Mat Salleh: Pahlawan Sabah Yang Terulung”, dalam *The Sabah Times*, 27 Jun 1981, hlm. 6.

²¹ Low Kok On, *Citra Wira Rakyat Dalam Legenda Mat Salleh*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah & Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 2001, hlm. 33-34. *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Pengarah Arkib Negeri Sabah, hlm. 11. D.S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenouse Society*, hlm. 67. Oscar Cook, *Borneo: The Stealer of Heart*, Kota Kinabalu: Houghton Mifflin Company, 1924, hlm. 180. Lee Yong Leng, *North Borneo: A Study In Settlement Geography*, Jepun: Eastern Universities Press Ltd. 1965.

²² Andaian merupakan “cakap hampas” atau “omong kosong”. Misalnya, Si A berkata: “Budak tadika pun mampu menulis tesis”. Ini merupakan andaian kerana jelas bercanggah dengan pemikiran rasional dan logik. Si B pula berkata: “Mustahil budak tadika mampu menulis tesis”. Ini merupakan pentafsiran rasional dan logik, iaitu sesuatu yang munasabah atau dapat diterima akal rasional atau benar secara logik. Pentafsiran rasional dan logik merupakan antara ciri-ciri penting dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ilmiah. Apabila pentafsiran rasional dan logic didakwa sebagai andaian, akibatnya, antara ilmu yang paling sukar berkembang ialah ilmu sejarah. Mengapa? Hakikatnya, sebagai satu disiplin ilmu saintifik, sejarah bersifat rasional dan logik. Di sinilah munculnya dan berkembangnya pentafsiran rasional dan logik tadi. Pentafsiran rasional dan logik dibuat berdasarkan perkaitan antara fakta-fakta sejarah. Antara fakta-fakta sejarah, ada kalanya terdapat kelompongan atau keterputusan tertentu dalam proses sejarah, akibat kekurangan sumber primer. Justeru, kelompongan dan keterputusan ini harus diselesaikan dengan menggunakan pentafsiran rasional dan logik. R.G. Collingwood menamakannya (pentafsiran rasional dan logik) sebagai *a priori*. Lantaran itulah, Collingwood merumuskan sejarah dengan menegaskan, “Semua sejarah adalah sejarah pemikiran” iaitu berlandaskan pemikiran rasional dan logik. Lihat bukunya, *Idea Sejarah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.

pernah disarankan Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee dalam *Alam Pensejarahan* (Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee, 1997).²³

Bagaimanapun, sumber kolonial melabelkan Mat Salleh sebagai “pemberontak” (*The British North Borneo Herald*, 1958: 235).²⁴ Kebangkitan dan gerakan penentangan Mat Salleh berlaku ekoran daripada pengukuhan penguasaan dan pentadbiran SBBUB ke atas penduduk tempatan. SBBUB telah memperkenalkan *Village Ordinance*. Ordinan ini membawa perubahan besar terhadap status kepemimpinan tradisi dalam masyarakat Sabah. Hanya ketua atau pemimpin yang diiktiraf atau dilantik oleh SBBUB sahaja yang diperakui. Ini mengakibatkan hak dan warisan kuasa pemimpin tempatan telah diganggu gugat oleh SBBUB, termasuklah Mat Salleh.²⁵ Kuasa politik mereka tercabar, maruah politik mereka tercabar. Lantaran itulah, ketua-ketua tempatan bangkit menyanggah kuasa eksekutif dan legalistik SBBUB. Namun, kesannya: “*Mat Salleh was a trader on the river and had his first real clash with the government*”²⁶ (W.K.C. Wookey, 1956). Kebangkitan dan perjuangan Mat Salleh telah menyebabkan beliau dituduh mengarahkan pembunuhan dua orang Dayak yang merupakan ejen SBBUB pada tahun 1894 di Pulau

²³ Buku suntingan ini diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997.

²⁴ *The British North Borneo Herald*, 16 September 1958, hlm. 235. Abdullah Zakaria Ghazali, “Perjuangan Orang-Orang Melayu Naning Menentang Inggeris, 1831-1831”, *Jurnal Sejarah*, Jilid. xv, 1977, hlm. 12-25. Ibrahim Nik Mahmood, “The To’ Janggut Rebellion of 1915”, dalam W. Roof, *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974, hlm. 63-65. Abdullah Zakaria Ghazali, “Tentangan terhadap Pentadbiran British di Perak”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 10, 1981, hlm. 103-105. Jamil Buyong, “Teori Kematian Datu Mat Salleh”, *Kertas Kerja Perjuangan Pribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat*, 12-16 Ogos 1981, *Persatuan sejarah Sabah*, 1981. hlm. 297-299. Abdullah Zakaria Ghazali, “Kebangkitan Terengganu 1928: Satu Perbicaraan Mengenai Beberapa Tokoh dan Peranan Mereka”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 9, 1980, hlm. 55-56. Nicholas Tarling, “Mat Salleh and Krani Usman”, hlm. 49. W.K.C. Wookey, “The Mat Salleh Rebellion”, *Sarawak Museum Journal*. Vol. 7, 1956, hlm. 450. Hasmidah Hj. Tamsir, “Pemberontakan Mat Salleh (Suatu Postmortem)”. D.S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenouse Society*, hlm. 189.

²⁵ “Mat Salleh Bukan Penderhaka – Tun”, *Daily Express*, 24 Januari 1973, hlm. 5. Cecilia Leong, *Sabah The First Hundred Years*, hlm. 111. R.M Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, hlm. 29. *The British North Borneo Herald*, 16 November 1933, hlm. 206. W.K.C. Wookey, “The Mat Salleh Rebellion”, *Sarawak Museum Journal*. Vol. 7, 1956, hlm. 450. Mohamad Shauki Mohd Radzi, “Perjuangan Datu Paduka Muhamad Salleh Datu Balu (Paduka Mat Salleh) Penelitian dari Pandangan Alam Islam”, hlm. 3.

²⁶ W.K.C. Wookey, “The Mat Salleh Rebellion”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. 17, No. 23. Disember 1956.

Jambongan.²⁷ Peristiwa pembunuhan ini menyebabkan pihak SBBUB memberikan perhatian dan tumpuan serius kepada Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya. Justeru, beliau dianggap sebagai pengacau dan pencabar kuasa British di Sabah.

Meskipun begitu, tuduhan melulu ini hanyalah propaganda penjajah sahaja. Sebaliknya, SBBUB sengaja mencari alasan untuk campur tangan bagi mengukuhkan cengkaman kuasanya. Karisma kepemimpinan Mat Salleh terpancar dengan gerakan penentangan yang dipimpinnya, dalam gerakan menentang SBBUB pada tahun 1896-1898. Pertempuran antara Mat Salleh dengan SBBUB bermula apabila SBBUB mencurigai kedatangan Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya ke Sandakan. Di Sandakan, SBBUB telah merampas dua kaki payung kuning yang menjadi kebanggaan masyarakat tempatan.

Sebagai pemimpin yang berpegang kuat dengan nilai tempatan, adat resam dan Islam, Mat Salleh membantah pencerobohan SBBUB. SBBUB enggan bertolak ansur dan akhirnya Mat Salleh menyerang balas dengan membakar sebuah kedai di Kampung Tatabuan. Tindak balas yang dilakukan oleh Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya mampu mengancam kedudukan SBBUB di Sabah. Sebagai jalan penyelesaian, SBBUB telah menawarkan hadiah sebanyak \$500 kepada sesiapa sahaja yang berjaya membawa Mat Salleh kepada SBBUB. Pemburuan politik ini menyebabkan beliau dilabelkan sebagai “penjenayah” yang amat dikehendaki oleh SBBUB.

Seterusnya, pada 28 Mac 1898, Pengarah Urusan SBBUB iaitu William Clark Cowie dengan bantuan Beaufort telah mengutus surat kepada Mat Salleh untuk mengatur satu pertemuan dalam usaha bagi menyelesaikan konflik ini. Kemuncaknya, termeterainya Perjanjian Menggatal pada 23 April 1898.²⁸ Namun, perjanjian ini gagal meredakan ketegangan antara kedua-dua pihak, bahkan

²⁷ K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*, Singapore: University of Malaya Press, 1958, hlm. 200. *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Pengarah Arkib Negeri Sabah, hlm. 13. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 3 (M-Q), hlm. 1479. “Attack On Mat Salleh’s Fort”, *The British North Borneo Herald*, 1 Januari 1898, hlm. 6-7. Hewett G. “The Mat Salleh Expedition”, *North Borneo Police Magazine* 1957, 1922, hlm. 3.

²⁸ Perjanjian Menggatal telah dimeterai pada 23 April 1898. Tujuan perjanjian ini ialah untuk mencari jalan penyelesaian kepada konflik yang berlaku antara kedua-dua pihak. Perjanjian ini adalah rancangan SBBUB sendiri. Kesediaan mereka untuk membuat perjanjian dengan Mat Salleh amat bermakna. Perjanjian ini merupakan satu-satunya perjanjian besar yang pernah ditandatangani oleh kuasa besar dengan penduduk

memperhebat konflik yang sedia ada kerana isi perjanjian tersebut bersifat berat sebelah: sebahagian daripadanya hanya memihak kepada SBBUB sahaja²⁹ dan tidak menepati persetujuan kolektif dalam perundingan awal di Pulutan. Kesannya, Mat Salleh semakin tercabar. Seterusnya, kedatangan Mat Salleh ke Lawas (Sarawak³⁰) pada tahun 1900 dianggap kerajaan kolonial British

tempatan untuk mengesahkan pemerintahan mereka di Sabah. Isi kandungan perjanjian ini begitu memihak kepada SBBUB. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Mohamad Shauki Mohd Radzi, “Perjuangan Datu Paduka Mat Salleh Datu Balu”, hlm. 8-9. Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900), Pengarah Arkib Negeri Sabah hlm. 22. Hasmidah Hj. Tamsir, “Pemberontakan Mat Salleh (Suatu Postmortem), 1989. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 3 (M-Q), hlm. 1479. Abdullah Zakaria Ghazali, “Tentangan terhadap Pentadbiran British di Perak”, hlm. 103-105. Jamil Buyong, “Teori Kematian Datu Mat Salleh”, hlm. 297-299. *The Sabah Times*, 27 Jun 1981, hlm. 6. R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, hlm. 30.

²⁹ Antara isi Perjanjian Menggatal adalah seperti berikut:

- Mat Salleh beserta pengikutnya diampunkan atas penentangannya terhadap SBBUB, tetapi para pengikutnya yang lari dari penjara dan terlibat dengan jenayah tidak diampunkan.
- Sabandar dan Malam [nama pengikut Mat Salleh] akan dibebaskan dari penjara Sandakan sekiranya mereka masih berada di dalam penjara tersebut.
- Orang Inanam yang telah lari daripada serangan British dibenarkan kembali semula ke Inanam, tetapi mereka yang dianggap boleh mencetuskan penentangan terhadap British tidak dibenarkan kembali ke Inanam.
- Mat Salleh dibenarkan tinggal di Tambunan atau di mana sahaja tempat di kawasan pedalaman kecuali di Sungai Sugut dan Sungai Labuk.
- Mat Salleh dikehendaki oleh kerajaan untuk sentiasa membantu menangkap sesiapa sahaja yang dikehendaki oleh kerajaan.
- Mat Salleh dikehendaki sentiasa memberikan maklumat kepada kerajaan tentang dirinya.

Rujukan lanjut dalam *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Pengarah Arkib Negeri Sabah hlm. 22. Hasmidah Hj. Tamsir, “Pemberontakan Mat Salleh (Suatu Postmortem), 1989. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 3 (M-Q), hlm. 1797. Low Kok On, *Citra Wira Rakyat Dalam Legenda Mat Salleh*, 2001. R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, hlm. 30. “Attack On Mat Salleh’s Fort”, *The British North Borneo Herald*, 1 Januari 1898, hlm. 6-7.

³⁰ Istilah “Sarawak” merujuk dua entiti berbeza, iaitu “Sarawak Lama” dan “Sarawak Baru.” “Sarawak Lama” ialah wilayah Sarawak yang asal, meliputi Sungai Sarawak hingga ke Tanjung Datu, di bahagian tenggara Borneo yang menghadap Laut China Selatan. Sejarah “Sarawak Lama” dikaitkan dengan zaman pemerintahan Brunei. Brunei mula aktif meluaskan kuasanya ke Sarawak di bawah pemerintahan Sultan Muhammad pada 1476. Sarawak menjadi wilayah Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. “Sarawak Baru” pula merujuk kepada negeri yang diperintah oleh keluarga Brooke (1841-1941). Ini bermula apabila “Sarawak Lama” diserahkan kepada James Brooke pada tahun 1841. Brooke meluaskan wilayah “Sarawak Lama” yang diperintahnya dengan mengambil alih wilayah Brunei. Kawasannya berkembang dari Tanjung Datu hingga ke Lawas pada tahun 1908. Pada tahun 1946, “Sarawak Baru” diserahkan sebagai tanah jajahan British dan menyertai Persekutuan Malaysia pada 1963. Sarawak juga dikenali sebagai Sarawak Darul Hana, terletak di barat laut Borneo. Keluasannya ialah 48, 250 batu persegi dan pinggir pantainya sepanjang 450 batu persegi menghadap Laut China Selatan. Sehingga tahun 1973, Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian (residensi). Setiap bahagian diketuai oleh Residen. Bahagian

sebagai usaha untuk membeli senjata untuk melancarkan penentangan masif terhadap British. Sebagai reaksinya, British telah mengisytiharkan perang terhadap Mat Salleh di Tambunan pada tahun 1899-1900.³¹ Sekali lagi, SBBUB turut menawarkan sagu hati kepada sesiapa sahaja yang berjaya menangkap Mat Salleh.

Perjuangan dan kebangkitan Mat Salleh untuk membela nasib peribuminya serta kedudukan dan kepentingannya sebagai pemimpin tempatan, selain maruah dirinya sebagai mujahid Islam telah menyebabkan beliau menjadi buruan politik SBBUB. Sebagai mewakili kerajaan kolonial British, SBBUB berasa tercabar dan terancam sekiranya Mat Salleh tidak dihapuskan. Akhirnya, SBBUB yang diwakili oleh Kapten C.H. Harrington telah menyerang kubu Mat Salleh di Tambunan. Dengan kekuatan yang kecil jumlahnya berbanding SBBUB, ditambah lagi dengan peralatan perang yang bersifat tradisional,³² akhirnya pada 31 Januari 1900, Mat Salleh dan pengikutnya

Pertama (Kuching), Bahagian Kedua (Sri Aman), Bahagian Ketiga (Sibu), Bahagian Keempat (Miri) dan Bahagian Kelima (Limbang). Persempadan ini diubah pada 11 Januari 1973 untuk melicinkan pentadbiran. Bahagian Keenam (Kapit, Belaga dan Song) dan Bahagian Ketujuh (Serikei, Matu, Daro, Binatang dan Julau) diasaskan. Penduduk Sarawak terbahagi kepada bumiputera (Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) dan bukan bumiputera (Cina, India dan Eropah). Rujukan lanjut dalam Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan Di Sarawak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 13. Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak 1946-1966: The Search For Unity And Political Asendancy*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 1. Juga dikisahkan dalam Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak*, (Buku ini ditransliterasikan oleh Nordi), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009. Nordi Achie, “Akhbar Melayu Perjuangan Di Sarawak: Satu Kajian Terhadap *Fajar Sarawak* 1930 dan *Utusan Asas* 1947-1948”, Tesis, M.A., Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001.

³¹ Di Tambunan, suku Dusun terbahagi kepada dua, iaitu Dusun Taga’as dan Dusun Tiawan. Kedua-duanya bermusuhan antara satu sama lain. Mat Salleh menjadi orang tengah untuk mendamaikan antara kedua-duanya. Bagaimanapun, SBBUB telah campur tangan dalam hal ini. SBBUB telah menghantar Pegawai Daerah Keningau, F.W. Fraser untuk campur tangan dalam usaha mendamaikan kedua-dua puak tersebut. Tindakan SBBUB telah menyukarkan lagi usaha untuk mendamaikan kedua-dua puak yang bertelagah. Malah, SBBUB telah mengarahkan Fraser membina pejabat pentadbiran mereka di Tambunan. Ini sebagai tanda rasmi campur tangan SBBUB dalam urusan pentadbiran di kawasan tersebut. Tindakan SBBUB ini tidak disenangi oleh penduduk tempatan terutamanya Mat Salleh. SBBUB telah melanggar syarat Perjanjian Menggatal, khasnya dalam soal pentadbiran Mat Salleh di Tambunan. Mohamad Shauki Mohd Radzi, “Perjuangan Datu Paduka Mat Salleh Datu Balu”, hlm. 9. Hasnidah Hj. Tamsir, “Pemberontakan Mat Salleh (Suatu Postmortem), 1989, hlm. 3. *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Pengarah Arkib Negeri Sabah, hlm. 25. “Didik Rakyat Menerusi Cerita-Cerita Sejarah: Mat Salleh Bukan Penderhaka – Tun”, *Daily Express*, 24 Januari 1973, hlm. 5. W.K.C. Wookey, “The Mat Salleh Rebellion”, *Sarawak Museum Journal*. Vol. 7, 1956.

³² Peralatan perang yang digunakan oleh kumpulan Mat Salleh dalam pertempuran ini meliputi buluh runcing, parang dan sebagainya yang bersifat tradisional. Berbanding SBBUB, mereka menggunakan peralatan yang berteknologi tinggi. Misalnya, meriam 7-pounder dan mesingun. Rujukan lanjut dalam

tewas.³³ Apabila diperhalusi kebangkitan dan perjuangan Mat Salleh, walaupun beliau terkorban dalam prakarsanya untuk menentang dan menghalau penjajah, tetapi beliau telah berjaya mencabar kekuasaan SBBUB. Mat Salleh melihat penguasaan SBBUB berbahaya terhadap Islam dan umatnya, malah perjuangan Mat Salleh turut memperlihatkan benih-benih pengaruh Islam dalam politik antikolonialisme di Sabah.

Syarif Osman

Seorang lagi pemimpin bumiputera Muslim yang bangkit dengan roh (semangat dan kesedaran) Islamik ialah Syarif Osman.³⁴ Kebangkitan Syarif Osman adalah ekoran daripada tindakan

Nicholas Tarling, "Mat Salleh and Krani Usman", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 16, 1985, hlm. 49. Ibrahim Nik Mahmood, "The To' Janggut Rebellion of 1915", dalam W. Roof, *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, hlm. 63-65. R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, hlm. 29.

³³ Dipercayai Mat Salleh ditembak ketika beliau berjalan keluar dari kubunya. Punca utama kepada kekalahan Mat Salleh ialah angkatannya terkepung di dalam kubu dan mereka tidak mendapat bantuan daripada penduduk tempatan. Hasmidah Hj. Tamsir, "Pemberontakan Mat Salleh (Suatu Postmortem)", 1989, hlm. 12. *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Pengarah Arkib Negeri Sabah hlm. 38. Lihat juga *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 3 (M-Q), hlm. 1797. "Purba", dalam *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bil. 26. 2007. ISSN 0127-1857, hlm. 118. A.A. Guyah, "Sensuron, Tuhawon and Mat Salleh", *The Sabah Times*, 9 Mei 1961, hlm. 3. Amil Jaya, "Benarkah Mat Salleh Masih Hidup", *Daily Express*, 6 Januari 1970, hlm. 4. "Attack On Mat Salleh's Fort", *The British North Borneo Herald*, 1 Januari 1898, hlm. 6-7. "Attack on Mat Salleh's Fort in Ranau", *The British North Borneo Herald*, 16 April 1898. "Death of Mat Salleh", *The British North Borneo Herald*, 16 Februari 1900, hlm. 89. Hewett G. "The Mat Salleh Expedition", *North Borneo Police Magazine* 1957, 1922, hlm. 3. M.A. Rahman, "Mat Salleh Masih Hidup – Karut", *Daily Express*, 13 Januari 1970, hlm. 4

³⁴ Syarif Osman berketurunan Iranun-Arab yang menjadi pemerintah kerajaan Marudu pada tahun 1980-an. Beliau telah berkahwin dengan adik kepada Datu Mohammed Boyu, iaitu Raja Muda Sulu. Ini telah menjadikan beliau sebagai seorang berpengaruh dalam kekuasaan Kesultanan Sulu di Sabah. Penglibatan beliau buat pertama kalinya dalam menamatkan kekacauan etnik Samal di Pulau Balabac ke atas Kesultanan Sulu. Syarif Osman mempunyai kekuatan tentera yang disegani dan mampu menandingi dua buah kesultanan yang sedia ada. Beliau juga telah mendirikan sebuah kota pertahanan dan petempatan di tebing Sungai Langkon dengan kekuatan tentera daripada etnik Iranun dan Samal yang berjumlah antara 1500 hingga 2000 orang. Kekuatan ini dikatakan menyamai ketenteraan Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei ketika itu. Sila lihat Basley Bee bin Basrah Bee, "Sharif Osman Dalam Konteks Sejarah Borneo Suatu Penilaian Semula", Seminar Memperingati Tokoh II: Pandangan Alam Islam dan Implikasinya Terhadap Patriotisme, Kota Kinabalu, 9 September, Anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Kementerian Belia dan Sukan Sabah, 2006, hlm. 4. Owen Rutter, *The Pirates of The Far East*, London: Rovert Hales & Co., 1970, hlm. 84. James Francis Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 78. James Francis

Pengeran Hashim melantik seorang pedagang³⁵ sebagai “Raja Kristian”.³⁶ Hal ini tidak disenangi Syarif Osman kerana kedatangan mereka dilihat mengancam agama Islam, adat resam dan mengikis nilai-nilai hidup masyarakat tempatan. Syarif Osman sedar akar lalang mesti dicantas sebelum ia tumbuh meliar sebagai tumbuhan liar. Tambahan pula, Syarif Osman berlatarbelakangkan keturunan tokoh agama dan berpengaruh dalam pemerintahan Kesultanan Sulu.³⁷ Karisma beliau sebagai pemimpin telah teruji dan terbukti di kawasan Teluk Marudu. Marudu merupakan sebuah kerajaan yang diasaskan oleh beliau sendiri.³⁸ Kerajaan tersebut

Warren, *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*, Singapore: Singapore University Press, 2002, hlm. 129.

³⁵ Sememangnya terdapat fakta yang dapat mengesahkan pernyataan di atas. Bagaimanapun, nama pedagang itu tidak dinyatakan dalam mana-mana sumber. Namun, tidak dapat dinafikan Pengeran Muda Hashim merupakan orang yang bertanggungjawab terhadap kemasukan agama Kristian di Borneo. Beliau juga pernah berjanji untuk melantik James Brooke sebagai “Rajah Sarawak” sekiranya James Brooke berjaya membantunya meredakan kekacauan di Sarawak. James Francis Warren, *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*, hlm. 129. Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak*, hlm. 22. Lihat juga nota kaki 13 dalam Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak*, hlm. 22.

³⁶ Pengeran Muda Hashim bertindak sedemikian kerana beliau tidak dapat menyaingi Pengeran Yusof dalam bidang perdagangan. Bahkan, Pengeran Yusof telah dapat mengukuhkan pengaruhnya sebagai penasihat sultan ketika Pengeran Muda Hashim berada di Sarawak. Justeru, bagi menyisihkan Pengeran Yusof, Pengeran Muda Hashim cuba bersahabat dengan beliau. Pengeran Muda Hashim menyedari bahawa untuk menyisihkan Pengeran Yusof bukanlah suatu perkara yang mudah. Atas alasan Pengeran Yusof menyokong kegiatan Syarif Osman yang dianggap sebagai pendokong perlanunan, Pengeran Muda Hashim telah memohon dan berjaya beroleh bantuan untuk membunuh Pengeran Yusof seterusnya menyerang kerajaan Marudu. Untuk kupasan berfakta, sila rujuk Owen Rutter, *The Pirates of The Far East*, hlm. 185 dan D.E. Brown, “Brunei: The Structure and History of a Bornean Malaya Sultanate”, *Monograph of the Brunei Museum Journal*, Vol. 2 (2), 1970, hlm. 148-149.

³⁷ James Francis Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 129.

³⁸ Keberadaan sebuah kerajaan di kawasan Teluk Marudu pada awal abad ke-19 Masehi, bukanlah suatu perkara yang baru dalam sejarah awal Borneo Utara. Kerajaan ini telah diasaskan oleh keturunan Syarif. Bagaimanapun, sebelum kemunculan kerajaan ini, telah muncul sebuah kerajaan purba di kawasan tersebut. Kesahihannya jelas menerusi laporan Alexander Darymple pada tahun 1769. Beliau menegaskan: “*Malloodoo, Malooroo or Maroodo as it is differently expessed was anciently a powerful kingdom; according to sultan Bantellan’s [Basilan] account it still contains 30,000 people.*” Berdasarkan laporan Alexander, kerajaan Marudu mendapat pelbagai gelaran pada masa itu. Namun, tempat yang dimaksudkan itu hanya memfokuskan kepada Marudu. Pembuktian yang lain adalah menerusi kajian kartografi purba Borneo. Berdasarkan kajian tersebut, menunjukkan terdapat satu bentuk penempatan di kawasan Teluk Marudu yang dikenali sebagai Marudu seawal tahun 1537. Sehingga tahun 1836, nama Marudu berterusan dinyatakan dalam pelbagai sebutan terutamanya, di atas peta-peta lama Borneo. Fakta ini dikukuhkan lagi dengan penemuan dan kajian arkeologi maritim di kawasan perairan Tanjung Simpang Mengayau. Berdasarkan penemuan ini, sebanyak tiga buah tapak kapal karam berusia sekitar 1000 tahun dari Dinasti Song Utara (960-1127 M) telah ditemui. Analisis awal menunjukkan terdapat satu laluan maritim di Utara

terletak di muara Sungai Langkon. Terdapat beberapa keistimewaan kerajaan Marudu sehinggakan kerajaan kolonial British memasang mata dengan tajamnya untuk menguasai kerajaan Marudu. Keistimewaan yang dimiliki oleh kerajaan Marudu telah diakui Alexander Darymple melalui laporannya (Baszley Bee Basrah Bee, 2004).³⁹

Antara daya tarikan utama kerajaan Marudu ialah kerajaan ini merupakan satu-satunya entiti politik di utara Borneo yang berjaya menandingi pengaruh kekuasaan Kesultanan Brunei dan Sulu. Ini tarikan pertama. Kedua, kerajaan Marudu berperanan besar dalam aspek perdagangan dan keselamatan maritim di utara pulau Borneo.⁴⁰ Dalam konteks ini, Syarif Osman dilihat mempunyai potensi besar untuk menggugat kedudukan dan kepentingan British di Borneo Utara. Buktinya, beliau digambarkan sebagai:

Among the sultan of Sulu's reverine chiefs in the Marudu region were several powerfull overlords of Iranun decent who possessed religious charisma, physical

Borneo seawal abad ke 10 M. Lokasi tapak kapal karam yang hanya beberapa ratus meter dari pantai membuktikan adanya tempat persinggahan atau pelabuhan di sekitar kawasan Tanjung Simpang Mengayau dan Teluk Marudu. Untuk kupasan berfakta mengenainya, sila rujuk Basley Bee bin Basrah Bee, "Sharif Osman Dalam Konteks Sejarah Borneo Suatu Penilaian Semula", hlm. 1-3. Alexander Dalrymple, *An Account of what has passed between the India Directors and Alexander Dalrymple intended an introduction to a plan for extending the commerce of the Kingdom and the Company in the East-Indies by and establishment at Balambangan*, London: J. Nourse in the Strand, 1771, hlm. 60. Robert Nicholl, "The Sixteenth Century Cartography of Borneo", *Brunei Museum Journal*, Vol. 5. 1976, hlm. 100. Basley Bee bin Basrah Bee (et al.), "Laporan Tinjauan dan Penilaian Tapak Skull Wrecks, Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah, 15-20 Jun 2004, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi", Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Lihat juga Basley Bee bin Basrah Bee (et al.), "Laporan Akhir Penyelidikan Arkeologi Bawah Air Di Perairan Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah", 30 Julai-21 Ogos 2004, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

³⁹ Kerajaan Marudu yang terletak di muara Sungai Langkon dan kini dikenali sebagai Kampung Marudu. Kerajaan Marudu merupakan satu-satunya entiti politik di utara Borneo yang berjaya menandingi pengaruh dan kekuasaan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Kerajaan ini telah berjaya menggoyahkan politik dalaman dan kekuasaan kedua-dua kesultanan tersebut. Kemunculannya di awal abad ke-19 Masihi dianggap sebagai suatu yang amat penting bukan sahaja kerana peranannya yang besar dalam aspek perdagangan dan keselamatan maritim, tetapi juga dalam mencabar kekuasaan dan pertapakan British di wilayah utara Borneo. Alexander Dalrymple, *An Account of what has passed between the India Directors and Alexander Dalrymple intended an introduction to a plan for extending the commerce of the Kingdom and the Company in the East-Indies by and establishment at Balambangan*, hlm. 60.

⁴⁰ Basley Bee Basrah Bee, "Sharif Osman Dalam Konteks Sejarah Borneo Suatu Penilaian Semula", hlm. 2.

prowess and the marked degree of political acumen. In the first half of the nineteenth century, the most important of these men to acquire ritualized authority from the sultan was Sharif Usman. His family represented the Sulu Sultanate and the Iranun in the Tempasuk-Marudu area circa 1830-1886...as a man of character and energy (James F. Warren, 1981: 129).⁴¹

Dengan keistimewaan sebegini, Syarif Osman disegani dan dihormati oleh penduduk setempat. Namun, senario ini tidaklah selari dengan gagasan dan kepentingan imperialisme British, khususnya SBBUB. Antaranya, agenda dan motif penyebaran agama Kristian. Harus diingat, kolonialisme Barat dan Kristianisasi bersifat saling memperlengkapi. Kesahihan pernyataan ini diperkukuh menerusi penegasan Basley Bee:

Serangan angkatan laut etnik Iranun dan khususnya pada masa era Sharif Usman ke atas sebarang kepentingan penjajah Eropah di Kepulauan Nusantara merupakan satu usaha ke arah mengekang pengaruh penguasaan politik, ekonomi dan agama Kristian di kepulauan ini (Basley Bee Basrah Bee, 2006: 5).⁴²

Bagi kerajaan kolonial British, Syarif Osman dan kerajaan Marudu sebenarnya merupakan ancaman terbesar dalam usaha mereka untuk memperluas dan memperkukuh kuasa penjajahan di Borneo pada abad ke-19. Lantas, SBBUB telah mengarahkan pengikutnya untuk memborgol Syarif Osman. Natijahnya, Syarif Osman yang tercabar dengan tindakan SBBUB terus bertindak balas. Peristiwa ini berlaku pada 19 Ogos 1845, di Teluk Marudu. Ketundukan kepada penjajah Barat-Kristian bermakna penyerahan diri kepada kuasa kolonial kafir. Ini merupakan perajutan politik sekali gus agama.

Dalam usaha menyingkirkan Syarif Osman, pada 19 Ogos 1845, kerajaan kolonial British telah menghantar enam buah kapal perang dan 20 buah perahu berserta 500 tentera untuk menyerang kota pertahanan Syarif Osman, padahal Syarif Osman hanya mempertahankan kubunya dengan

⁴¹ James Francis Warren, *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*, hlm. 129.

⁴² Basley Bee Basrah Bee, "Sharif Osman Dalam Konteks Sejarah Borneo Suatu Penilaian Semula", hlm. 5. James Francis Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 78.

peralatan ketenteraan yang lebih ketinggalan berbanding pihak lawan.⁴³ Akibatnya, kubu pertahanan Syarif Osman telah berjaya ditembusi tentera penjajah.⁴⁴ Tarikh 21 Ogos 1845 merupakan detik bersejarah dalam perjuangan Syarif Osman dan pengikut-pengikutnya kerana mereka gugur sebagai syuhada.⁴⁵ Meskipun demikian, Syarif Osman tidak pernah menyerah kalah. Kalah atau menang merupakan resam berperangan, tetapi mengangkat bendera putih – menyerah diri dan menyerah kalah – tidak pernah ada dalam kamus perjuangan Syarif Osman. Begitu juga dengan Mat Salleh. Kedua-dua patriot ini gugur sebagai pemimpin syuhada.

Jelas, kebangkitan pemimpin bumiputera Muslim tempatan untuk menentang SBBUB disebabkan oleh ancaman terhadap nilai-nilai dan tradisi tempatan, serta ancaman terhadap kepentingan ekonomi dan pengaruh pemimpin tempatan dalam masyarakat masing-masing. Senario ini turut memperlihatkan gema pertentangan antara Barat-Kristian (SBBUB) dengan Islam (pemimpin bumiputera Muslim di Sabah). Dari segi ini, Islam sebagai *ad-din*⁴⁶ menjadi sumber inspirasi

⁴³ Pengikut-pengikut Syarif Osman hanya bersenjatakan meriam pelbagai jenis (11 buah) selain tenteranya memiliki musket. Bagi mengatur tenteranya, Syarif Osman membahagikan tenteranya kepada 10 kumpulan yang dianggotai oleh 100 orang. Kekuatan pertahanan Syarif Osman dilihat dengan pembinaan kubunya. Kubu ini diperbuat daripada tembok tanah dan kayu yang dilindungi oleh benteng dan rakit yang dilengkapi dengan meriam. D.J.M. Tate, *Rajah Brooke's Borneo: The 19th Century World of Pirates and Head-Hunters, Orang Utan and Hornbills, and other such rarities as seen through The Illustrated London News and Other Contemporary Sources*, Petaling Jaya: Falcon Press, 1988, hlm. 44-45.

⁴⁴ Untuk kupasan berfakta, sila rujuk Harry Miller, *Pirates of the Far East*, London: Rovert Hales & Co., 1970, hlm. 93. D.S. Ranjit Singh, "The Development of Native Administration in Sabah 1877-1946", dalam *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Kuala Lumpur: Centenary Publications, 1981, hlm. 96. S. St. John, *Life in the Forests of the Far East*, London: Smith Elder Co., 1963, hlm. 394-396.

⁴⁵ Meskipun Syarif Osman terkorban, namun kerajaan Marudu tidak berakhir di Teluk Marudu. Ini kerana anak beliau, Syarif Yassin telah meneruskan perjuangan bapa beliau dengan berundur ke Sungai Labuk. Seorang lagi anak beliau, iaitu Syarif Hussin turut mempertahankan perjuangan bapanya, yang kemudiannya menjadi pembesar di Sungai Sugut hingga tahun 1886. Rujukan lanjut dalam Harry Miller, *Pirates of the Far East*, hlm. 93. James Francis Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 77-80.

⁴⁶ Secara ringkasnya *ad-din* ialah cara hidup yang holistik bagi umat Islam. Namun, Al-Maududi merumuskan *ad-din* sebagai "satu istilah yang mencakupi seluruh aspek kehidupan yang sempurna". Bagaimanapun, untuk perincian definisi mengenainya, sila rujuk Abu A'la Al-Maududi, *Empat Istilah Dalam Al-Quran*, Singapura: Pustaka Nasional, 1989, Bab 4. Ramli Awang, *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002, Bab 2. Nazzwardi Abu Bakar, *Muqaddimah Pengajian Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000, Bab 1. Sukron Kamil, *Islam Dan Demokrasi: Telaah Konseptual Dan Historis*, hlm. 195.

kepada pemimpin dan pengikutnya dalam proses kebangkitan mereka menentang kekuasaan SBBUB. Penjajahan ialah perhambaan sesama manusia. Islam, agama anutan Mat Salleh dan Syarif Osman, sangat menentang kebobrokan syaitanisme ini.

Perlu ditegaskan, sesiapa sahaja yang gugur dalam kebangkitan menentang penjajah, mereka disifatkan berjihad untuk mempertahankan dan menegakkan Islam. Ini bertepatan dengan amanat jihad Syeikh Effendi (Mufti Besar Turki), “[B]ahawa menentang British dan sekutunya adalah jihad” (James F. Warren, 1981: 129).⁴⁷ Walaupun kebangkitan dan perjuangan anti-SBBUB gagal mengusir agen kolonial British itu dari Sabah, namun ada hikmah di sebaliknya: secara beransur-ansur Islam telah menjiwai kehidupan mereka, terutamanya apabila menyentuh persoalan aqidah⁴⁸ dan seterusnya Islam menjadi teras penting yang mendasari pengasasan pelbagai pertubuhan yang bercitrakan Islam, seperti yang berlaku pada era pemerintahan kolonial British (1946-1963).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, sukar untuk menafikan peranan dan kepentingan Islam turut mengakari gerakan dan kebangkitan Panglima Muhammad Salleh dan Syarif Osman, biarpun mereka tidaklah melaungkan-laungkan Islam sebagai semboyan perjuangan mereka. Islam terhunjam di hati, bukannya mainan di mulut. Pengaruh Islam di sebalik perjuangan ini menjadi lebih terfahami apabila semangat dan kesedaran anti-SBBUB dipasakkan dalam konteks kesinambungan Perang Salib. SBBUB dilihat mewakili kuasa Barat-Kristian, manakala kedua-dua patriot ini mewakili perjuangan Islam di bumi Sabah. Ini merupakan suatu penjelmaan semua Perang Salib di Nusantara, setelah tercetusnya Perang Salib di Eropah dan Semenanjung Arab. Di

⁴⁷ Lihat nota kaki 60.

⁴⁸ Aqidah ialah iktikad (kepercayaan) yang tetap dan pasti dalam hati terhadap Rukun Iman: keimanan kepada Allah, Malaikat, Rasul, Kitab, Qiamat dan Qadha dan Qadar. Iktikad ini berlandaskan dalil-dalil syarak: al-Quran dan as-Sunnah. Ini termuat dalam Said Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, 1996, hlm. 49. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Alam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1989, Bab 9. Untuk keterangan lanjut, lihat (antaranya) Muhammad Abduh, *Risalah Tauhid*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1996. Sayid Sabiq, *Akidah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa, 2003. Sayyid Qutb, *Manhaj Hidup Muslim*, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1998.

benua Afrika, India dan Nusantara, kegiatan kolonialisme Barat jelas merupakan mata rantai Perang Salib, seperti terpancar menerusi slogan *God, Gold, Glory*. Justeru, kolonialisme Barat merupakan inkarnasi Kristianisasi – tiga (*God, Gold, Glory*) dalam satu (kolonialisme). Sebenarnya tidak ada laluan mudah bagi kuasa penjajah Barat. Patriot puterabumi di seluruh Nusantara telah bangkit berjihad selama ratusan tahun untuk menentang kolonialisme Barat-Kristian, dengan darah dan nyawa mereka sendiri. Di Sabah, perjuangan Panglima Muhammad Salleh dan Syarif Osman turut mewakili roh jihad *fisabilillah*, dan semangat yang luhur ini pasti bangkit semula zaman berzaman.